

**Setia Jaya Julang
Pelancongan
Pulau Redang**



DARI MEJA PENGARANG



MAJALAH GAGASAN KOPERASI
EDISI 01/2025

PENGERUSI SKM

Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B)

KETUA EDITOR

Nor Azam bin Md Salleh

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

EDITOR

Mohd Firdaus bin Shaari

Noor Azura binti Maslan

Arif Asyraf bin Mohammed Khalim

Sairul Nurul Huda Idayu binti Saifudin

Mohd Affandy bin Amir

Norhaslinda binti Mohd Isa

EDARAN DAN PENERBITAN

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Selamat datang kami ucapkan kepada semua pembaca setia Majalah Gagasan, khusus buat Edisi 1 Tahun 2025! Dengan rasa syukur dan semangat yang membara, kami bawakan kepada anda himpunan kisah inspirasi, kejayaan dan pandangan jauh dari landskap koperasi Malaysia yang semakin dinamik.

Dalam edisi kali ini, kita akan bersama-sama menyelami intipati “Perutusan Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia” yang telah menggariskan fokus utama kita: Memacu Inovasi Dan Keberdayaan Komuniti Melalui Koperasi. Perutusan ini bukan sekadar bicara, tetapi satu seruan untuk kita terus bergerak ke hadapan, mendepani cabaran dan meneroka peluang baharu dalam ekosistem koperasi.

Majalah Gagasan Edisi 1/2025 ini memaparkan pelbagai inisiatif dan kejayaan koperasi yang wajar menjadi teladan. Kita akan menyorot kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan, daripada penjagaan ibu selepas bersalin yang inovatif oleh Koperasi Atas Amben Malaysia Berhad, yang berjaya menggabungkan tradisi dan modeniti, sehinggalah kepada transformasi perniagaan oleh Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia Berhad (LPPKN) dengan penubuhan Arabella Event Hall, yang membuktikan kemampuan koperasi untuk beradaptasi dengan arus semasa dan memanfaatkan promosi digital secara efektif.

Tidak ketinggalan, edisi ini turut mengangkat peranan koperasi sebagai pemangkin ekonomi komuniti. Bacaan menarik mengenai Koperasi Pelancongan Hanya D’Pasoh Berhad di Negeri Sembilan akan membawa kita melihat bagaimana agro-pelancongan mampu menjadi wadah penyatuan masyarakat serta mempromosikan produk dan warisan budaya tempatan. Kisah kejayaan Koperasi Setia Jaya Pulau Redang Kuala Terengganu Berhad pula menjadi bukti jelas bagaimana koperasi mampu memperkasa ekonomi komuniti terpinggir di Pulau Redang, menunjukkan potensi besar gerakan koperasi dalam membawa pembangunan yang inklusif.

Isu inovasi dan keanjalan dalam perniagaan juga menjadi tumpuan utama. Artikel “Koperasi Perlu Pelopori Penginapan Anjal” oleh pegawai dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengajak kita untuk berfikir di luar kotak, dengan mencadangkan koperasi dalam sektor hospitaliti untuk meneroka model penginapan fleksibel berdasarkan jam. Ini adalah satu cetusan idea yang relevan dengan perubahan gaya hidup masa kini, menunjukkan bahawa koperasi tidak perlu menunggu arahan, sebaliknya boleh menjadi pencabar pasaran dengan inisiatif sendiri.

Selain itu, kita turut menyentuh aspek penting tadbir urus dan pematuhan peraturan seperti yang dibincangkan dalam segmen soal jawab, bagi memastikan koperasi kekal lestari, berintegriti serta menjadi rujukan kepada para korporator. Tidak dilupakan juga, edisi ini turut menyelami isu pemilikan harta serta penggubalan perundangan dan kaitannya dengan pemberdayaan ekonomi masyarakat, sepertimana yang disentuh dalam artikel “Dengarlah Salakan Anjing”, yang memberikan perspektif yang lebih luas tentang kepentingan sistem formal dan perundangan yang menyokong kegiatan keusahawanan dalam memacu pembangunan negara.

Semoga penerbitan Majalah Gagasan Edisi 1/2025 ini memberikan inspirasi dan pengetahuan baharu kepada semua. Marilah kita terus bersama-sama mendukung dan memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia, demi mencapai visi koperasi yang mampan, berdaya saing dan inklusif.

Selamat membaca dan terus berinovasi!

Yang Ikhlas,

Nor Azam Bin Md Salleh

Ketua Editor
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Kandungan

EDISI 01/2025

4-5 | PERUTUSAN

Memacu Inovasi dan Keberdayaan Komuniti Melalui Koperasi



22-23 | GAGASAN

GIBS Saji Lokasi Percutian Terbaik

6-9 | RENCANA UTAMA

Reformasi Perkhidmatan Hotel Koperasi

10-11 | FOKUS

UN Tourism Iktiraf KOPEL

12-13

Arabella Julang LPPKN



14-15

D' Pasoh Permata Agro Pelancongan Negeri Sembilan



16-17 | ALBUM FOTO

Koleksi Foto-foto Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad

18-19 | INSPIRASI

Keunikan Pusat Berpantang ATAS AMBEN



20-21

Bulan Koperasi Kebangsaan 2025



24-25

Setia Jaya Julang Pelancongan Pulau Redang



26-27 | PROAKTIF

Dengarlah Salakan Anjing: Tadbir Urus Aset yang Cekap Bantu Lonjak Modal dalaman Koperasi

30 | SOAL JAWAB





Memacu Inovasi dan Keberdayaan Komuniti Melalui Koperasi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita sekali lagi dapat bersama-sama dalam penerbitan Majalah Gagasan Edisi 1 Tahun 2025 ini. Setiap edisi majalah ini sentiasa menjadi wadah penting untuk kita berkongsi kejayaan, cabaran, dan aspirasi dalam memacu gerakan koperasi di Malaysia.

Pada tahun 2025 ini, fokus kita kekal teguh dalam memastikan gerakan koperasi terus menjadi tunjang ekonomi negara dan pemangkin kesejahteraan komuniti. Saya amat berbangga melihat bagaimana koperasi-koperasi di Malaysia terus menunjukkan semangat keusahawanan yang tinggi, kepelbagaian inovasi, serta komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi.

Melalui laporan yang dimuatkan dalam edisi ini, kita dapat menyaksikan betapa dinamikinya sektor koperasi kita. Sebagai contoh, **Koperasi Atas Amben Malaysia Berhad** telah membuktikan kemampuan untuk menggabungkan kaedah moden dan tradisional dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin, bahkan berjaya menjana pendapatan bulanan yang memberangsangkan. Inisiatif mereka yang turut menyediakan sesi kaunseling kesihatan mental menunjukkan keprihatinan menyeluruh terhadap kesejahteraan anggota dan masyarakat. Ini adalah contoh terbaik bagaimana koperasi boleh berinovasi dalam bidang perkhidmatan khususnya dalam sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan.

Kita juga melihat kejayaan **Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad** di Negeri Sembilan, yang telah mengangkat agro-pelancongan sebagai wadah untuk menyatukan masyarakat dan mempromosikan produk serta warisan budaya tempatan. Model perniagaan seperti ini bukan sahaja menjana pendapatan, malah memupuk semangat kebersamaan dan memelihara keunikan identiti tempatan. Semangat ini turut dicerminkan oleh **Koperasi Setia Jaya Pulau Redang Kuala Terengganu Berhad**, yang berjaya memperkasa ekonomi komuniti terpinggir di Pulau Redang melalui inisiatif pelancongan yang sistematik dan teratur.

Transformasi dan kepelbagaian perniagaan juga menjadi agenda utama, seperti yang dibuktikan oleh **Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia Berhad (LPPKN)** dengan penubuhan Arabella Event Hall. Koperasi ini telah meluaskan perniagaan dari koperasi kredit kepada penyediaan dewan dan perkhidmatan katering, menunjukkan kemampuan koperasi untuk beradaptasi dengan arus semasa dan memanfaatkan platform digital untuk promosi.

Dalam pada itu, kita turut menekankan kepentingan koperasi untuk sentiasa berani meneroka peluang baharu. Artikel mengenai "**Koperasi Perlu Pelopori Penginapan Anjal**" yang mengajak koperasi dalam industri hospitaliti untuk mengadaptasi model penginapan yang lebih fleksibel. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan kadar pendapatan, malah dapat meningkatkan kepuasan pelanggan dengan menawarkan pilihan yang lebih anjal serta mampu milik. Ini adalah seruan agar koperasi tidak hanya menunggu arahan atau dasar baharu daripada kerajaan, sebaliknya proaktif dalam mengukur keupayaan dan merangka strategi perniagaan yang inovatif. Ini kerana kreativiti dan inovasi tidak lahir dari rahim para kaum birokrat. Perihal ini kita boleh mengambil iktibar daripada cetusan revolusi industri pertama hingga kini, semuanya lahir daripada buah fikir serta daya usaha kaum usahawan.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa komited dalam menyediakan garis panduan dan sokongan yang diperlukan bagi memastikan koperasi beroperasi dengan tadbir urus yang baik dan mematuhi Akta Koperasi 1993. Ini termasuk aspek pengurusan kewangan, pembiayaan modal dari pelbagai sumber, dan penyelesaian wang anggota, yang semuanya penting untuk kelestarian dan kejayaan jangka panjang koperasi. Selain itu, pelbagai geran bantuan serta pembiayaan dengan kadar yang berpatutan juga turut disediakan oleh SKM. Permohonan dan maklumat lanjut boleh diperoleh daripada pegawai-pegawai SKM di cawangan negeri.

Kisah-kisah kejayaan dan panduan yang dimuatkan dalam majalah ini adalah bukti bahawa gerakan koperasi di Malaysia sedang bergerak ke hadapan dengan penuh keyakinan. Saya menyeru semua anggota, pemimpin, dan penggerak koperasi untuk terus berinovasi, memperkukuh tadbir urus, dan sentiasa peka terhadap keperluan komuniti. Bersama-sama, kita akan terus membina gerakan koperasi yang lebih kukuh, berdaya saing, dan inklusif demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B)

Pengerusi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Reformasi Perkhidmatan Hotel Koperasi



Suasana bilik *standard* Hotel Tenera, Bangi dimiliki oleh Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad.

Oleh: Arif Asyraf Bin Mohammed Khalim

MODEL tradisional tempahan hotel kini mengikut jumlah hari atau bermalam, yang menyaksikan perubahan kepada pendekatan lebih fleksibel - penginapan berdasarkan jam. Inovasi ini membuka peluang keemasan kepada koperasi bagi menawarkan pilihan lebih anjal serta mampu milik, ke arah menarik perhatian pelancong atau pengembara yang bijak berbelanja dalam memenuhi jadual perjalanan unik.

Dalam kehangatan tawaran penginapan hotel 23 jam, kebanyakan naratif yang disogok kepada awam adalah menurut sudut pandang persatuan-persatuan hotel yang kebanyakannya dipelopori oleh syarikat swasta.

Dalam artikel ini, penulis cuba menawarkan sudut pandang berbeza. Wacana arus perdana selalu terperangkap dalam perdebatan di antara tempoh penginapan dengan tekanan kos sekaligus mempengaruhi penawaran harga. Meskipun naratif berkenaan adalah sah dan benar, namun ia bukanlah segala-galanya malah dangkal.

Ini kerana pasaran tidak hanya mempunyai satu dimensi sudut pandang. Permintaan pasaran selalunya lebih anjal serta pelbagai. Bagi mereka yang mempelajari atau mempunyai pengalaman dalam bidang pemasaran, terdapat banyak produk atau perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada segmen pasaran tertentu.

Industri perhotelan bukan sahaja boleh menawarkan kadar harga berbeza tetapi boleh menawarkan jenis bilik yang merangkumi pelbagai jenis dekorasi, saiz bilik, tempoh penginapan dan sebagainya, sesuai dengan keperluan segmen pasaran yang berbeza.

Sebagai contoh, tidak semua pelancong memilih hotel bertaraf lima bintang sebagai destinasi penginapan, sebaliknya ada yang memilih inap desa, rumah tumpangan, berkelah di dalam rimba sebagai lokasi percutian.

Pemain industri dalam kalangan koperator boleh menggunakan peluang ini bagi menawarkan penginapan yang lebih anjal serta pelbagai kepada pasaran secara tunggal atau digabungkan dengan pakej sedia ada sebagai daya penarik ke premis mereka.

Untuk melaksanakan ini, sebenarnya kita tidak perlu menunggu pengumuman sesuatu dasar baharu atau arahan daripada para birokrat untuk bertindak. Ini kerana ekonomi pasaran sentiasa bergerak dan berubah selaras dengan perkembangan ilmu dan teknologi.

Perkara-perkara yang baik dan bermanfaat untuk dilaksanakan selaras dengan tuntutan arus pasaran bagi memaksimumkan keuntungan demi kebajikan anggota koperasi dan masyarakat harus disegerakan. Perkara yang kita perlukan adalah mengukur baju di badan sendiri. Hal ini boleh dilakukan dengan menggunakan analisis SWOT, penilaian risiko, kaedah penetapan 7P dalam pemasaran dan lain-lain kaedah yang boleh dipelajari melalui enjin carian *Google* atau lebih canggih menggunakan khidmat kecerdasan buatan (*Artificial Intelligent*). Ini bagi membantu kita untuk membuat keputusan yang tepat dalam merangka strategi dan keupayaan untuk melaksanakan hal ini.

Tawaran Penginapan yang Lebih Anjal

Koperasi boleh mengamalkan model penginapan anjal. Model ini bakal membuka potensi ekonomi yang signifikan. Dengan menawarkan pilihan penginapan anjal, koperasi dapat menarik pelbagai jenis latar pelanggan daripada pengembara korporat yang memerlukan beberapa jam untuk menyegarkan diri sebelum bermulanya mesyuarat hinggalah pelancong transit yang mencari waktu rehat

singkat. Peningkatan kadar penghunian ini boleh membawa kepada aliran pendapatan yang lebih tinggi.

Kejelasan dalam tempoh penginapan secara signifikan mampu meningkatkan kepuasan pelanggan. Pengembara sering mencari pilihan yang boleh disesuaikan dengan jadual dan bajet mereka. Koperasi yang mengamalkan model ini boleh menempatkan diri mereka sebagai entiti perniagaan yang berteraskan pelanggan.

Berikut adalah beberapa contoh penawaran penginapan fleksibel.

Contoh Penginapan Konsep Jam

1. Hotel Transit Lapangan Terbang:

- Banyak lapangan terbang besar di seluruh dunia mempunyai hotel atau 'bilik tidur kapsul' yang khusus untuk penumpang transit. Contohnya, *Aerotel* atau *Capsule Transit* di KLIA2, Kuala Lumpur. Pengembara boleh menempah bilik untuk beberapa jam sahaja. Biasanya minimum 3 hingga 6 jam untuk berehat, mandi, atau tidur sebentar sebelum penerbangan seterusnya tanpa perlu menempah sepanjang malam. Ini sangat menjimatkan bagi mereka yang mempunyai persinggahan yang panjang atau penerbangan awal pagi.

2. Hotel Day-Use / Micro-Stay:

- Konsep ini semakin popular di bandar besar. Banyak hotel, terutamanya hotel perniagaan atau hotel bajet, mula menawarkan bilik untuk tempoh 'penggunaan siang' (*day-use*). Pelanggan boleh menempah bilik dari pagi hingga petang (contohnya, 9 pagi hingga 5 petang) dengan kadar yang lebih rendah daripada harga semalaman.



Usaha Koperasi Al-Amen Perlis Berhad dalam meneguhkan konsep Hotel Butik dengan menggunakan geran bantuan SKM wajar dijadikan contoh.

- Contoh di Malaysia: Sesetengah **hotel butik** atau **hotel bajet** di pusat bandar seperti Kuala Lumpur atau Pulau Pinang mula mengiklankan pilihan *day-use* untuk pelancong yang ingin menyegarkan diri, atau pekerja yang memerlukan tempat senyap untuk bekerja sebentar.

3. Platform Tempahan Hotel Berdasarkan Jam:

- Terdapat juga platform dalam talian dan aplikasi mudah alih yang khusus membolehkan tempahan bilik hotel mengikut jam. Contoh platform seperti **ByHours** (antarabangsa) atau beberapa aplikasi tempatan yang menghubungkan hotel dengan pelanggan yang mencari penginapan jangka pendek. Platform ini membolehkan hotel mengisi bilik mereka pada waktu yang biasanya kosong dan memberikan fleksibiliti kepada pengguna.
- Melalui platform ini, anda boleh mencari hotel yang menawarkan pakej 3 jam, 6 jam, atau 9 jam, selalunya pada diskaun yang ketara berbanding kadar semalaman.

Mengapa Perubahan Ini Penting?

Perubahan ini mencerminkan keperluan pasaran moden yang lebih anjal serta mementingkan nilai. Ia bukan lagi sekadar tidur semalaman, tetapi tentang memenuhi keperluan spesifik seperti:

- Rehat singkat: Selepas perjalanan panjang atau sebelum memulakan aktiviti.
- Tempat bekerja: Bagi pekerja jarak jauh atau usahawan yang memerlukan ruang tenang untuk beberapa jam.
- Bersiap sedia: Untuk acara atau mesyuarat penting.
- Transit: Seperti dinyatakan di atas, bagi penumpang penerbangan.

Fleksibiliti ini membuka pasaran baharu hotel dalam memberikan lebih banyak pilihan kepada pengguna, terutamanya mereka yang mempunyai bajet terhad atau jadual yang tidak konvensional.

Menarik Pelancong yang Prihatin Bajet

Dalam iklim ekonomi yang semakin mencabar, pelancong atau pengembara semakin prihatin terhadap bajet penginapan lebih-lebih lagi bagi mereka yang banyak menumpukan aktiviti luar semasa melancong. Mereka beranggapan bilik penginapan hanyalah sekadar tempat persinggahan untuk rehat. Dengan menawarkan pilihan penginapan berpatutan dan anjal, koperasi boleh memasuki segmen pasaran



Antara kemudahan pilihan tetamu, kolam renang Hotel Tenera menjanjikan pengalaman riadah yang menyenangkan dalam suasana yang selesa dan terjaga.



Antara inovasi yang boleh dijadikan iktibar yang bergerak seiring keperluan dan zaman. Gambar sekadar ilustrasi.

yang semakin berkembang ini. Kuncinya terletak pada penyediaan nilai tanpa menjejaskan kualiti.

Bayangkan sebuah hotel koperasi yang menawarkan pakej khusus disesuaikan untuk pengembara bajet. Pakej-pakej ini boleh merangkumi kemudahan seperti bilik yang bersih, akses internet percuma, minuman percuma, dan akses ke kawasan umum. Dengan memasarkan pilihan ini secara berkesan, hotel berkenaan mampu menarik aliran pelancong yang mencari penginapan jimat serta selesa.

Insentif SKM

Pelbagai insentif disediakan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam menawarkan sokongan dan memberi galakan untuk mencergaskan semula sektor pelancongan koperasi pasca-pandemik COVID-19.

Program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) Datuk Ewon Benedict pada 16 Mei 2024 yang mensasarkan sebanyak 160 Koperasi sebagai penerima manfaat dengan peruntukkan berjumlah RM2 juta sempena persediaan ke arah Tahun Melawat Malaysia 2026.

Ianya bertujuan memberikan insentif kepada koperasi yang terlibat dalam sektor pelancongan dan penjagaan diri untuk memberikan potongan diskaun sehingga 30% ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi.



Hotel Butik, Koperasi Al-Ameen Perlis Berhad.

Selain itu, SKM turut mengadakan program Eksplorasi Koperasi di Perlis sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025 pada 5 hingga 7 Julai 2024. Sepuluh koperasi dipilih untuk dilawat sepanjang tempoh program berlangsung. Program ini melibatkan 40 pelawat daripada pengamal media cetak, elektronik (penyiaran) dan digital merangkumi pengengaruh, blogger dan *Key Opinion Leader* (KOL).

Objektif program ini adalah untuk memberi publisiti dan mempromosi koperasi dalam sektor pelancongan di Perlis. Seterusnya ia juga bertujuan mendidik serta menyampaikan maklumat tepat mengenai produk dan perkhidmatan



koperasi dalam usaha meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi.

Insentif lain seperti Geran Bantuan Pembangunan Koperasi SKM, turut sediakan pada setiap tahun bagi koperasi yang layak dan mempunyai aktiviti perniagaan serta patuh perundangan koperasi. Peruntukan geran sehingga RM300 ribu disediakan kepada koperasi bagi beberapa tujuan seperti pemasaran produk dan perkhidmatan, pembangunan infrastruktur dan program pembangunan produk.

Pembiayaan turut disediakan kepada koperasi yang ingin membiayai modal pusingan atau pembelian bangunan untuk dijadikan hotel atau pusat penginapan bagi tujuan pelancongan. Pembiayaan ini adalah pembiayaan yang mesra pembangunan ekonomi koperasi kerana ianya menawarkan kadar keuntungan yang tetap serendah 1% dan semaksima 6% bergantung kepada jumlah dan jenis permohonan. Tempoh bertenang turut diberikan kepada koperasi yang lulus pembiayaannya sehingga 6 bulan.

Semua insentif ini boleh dimanfaatkan secara bersepadu oleh koperasi ke atas perniagaan mereka sebagai salah satu kaedah untuk memperkasa perniagaan koperasi ke arah pendapatan yang lebih baik.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada peluang-peluang di atas yang tidak dimiliki oleh entiti perniagaan lain, seharusnya menjadikan koperasi sebuah organisasi yang mandiri dan berdaya saing. Koperasi juga boleh membentuk tawaran berbeza daripada yang ditawarkan oleh syarikat dan tidak usah terperangkap dalam dikotomi falasi di antara harga mahal-murah.

Ia bukan sahaja bertentangan dengan hasrat Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030 yang ingin mencapai perolehan gerakan koperasi sejumlah RM73 bilion tetapi ia juga menunjukkan kelemahan kita dalam mencerap segmen pasaran.

Isu penyediaan penginapan selama 23 jam boleh dijadikan oleh koperasi sebagai salah satu pakej penginapan. Sebagai contoh, koperasi boleh atau tidak mengenakan caj tambahan atas pakej tersebut. Ini terpulang atas kemampuan, kreativiti dan kebijaksanaan masing-masing.

Koperasi usah terlalu khuatir dengan penawaran harga kerana penetapan harga adalah subjektif. Ini kerana lebih

banyak penawaran dalam bentuk harga, produk dan perkhidmatan, lebih baik untuk pasaran. Tidak ada isu harga murah atau mahal jika perkhidmatan atau produk yang kita tawarkan itu nilainya (kuantiti dan kualiti) dapat dirasai oleh pelanggan.

Jika kita mahu jual pada harga yang mahal, kita harus meningkatkan daya kompetitif perniagaan kita, begitulah juga sebaliknya. Penetapan harga pula sangat berkait dengan bagaimana kita menilai harga sesebuah perniagaan kita (balik kepada keadah sedar diri tadi).

Sudah tiba masanya kita menilai semula perniagaan koperasi agar lebih berdaya saing. Reformasi bukan tentang milik kumpulan tertentu. Bukan juga milik orang yang berada di atas untuk dipaksakan kepada orang di bawah. Bukan pula peluang orang di bawah untuk menyalahi serta mengejek orang yang di atas kerana gagal melaksanakan pembaharuan.

Ia adalah milik setiap individu yang berhasrat ingin melakukan pembaharuan ke arah yang lebih baik tanpa memutuskan sejarah, identiti, budaya dan prinsip yang dipegang. Ia tentang bagaimana kita memanfaatkan ruang yang kita ada untuk berubah menjadi lebih baik tanpa pengarahannya daripada pihak berkuasa.

Pergeseran kehendak di antara pengamal industri perhotelan dalam kalangan koperasi dan pasaran perlu segera diselaraskan bagi memastikan kelangsungan perniagaan. Bagi koperasi di Malaysia, ini memberikan peluang unik untuk berinovasi dan berkembang maju. Dengan menawarkan pilihan yang anjal serta berpatutan, koperasi bukan sahaja dapat meningkatkan kepuasan pelanggan tetapi juga membuka manfaat ekonomi yang signifikan.

Akhir sekali, tidak semua perkara perlu dirangka melalui dasar. Adakalanya pembentukan perkara yang mudah serta remeh, ia sebenarnya boleh di rangka dan dilaksanakan oleh penggiat industri itu sendiri sebagai dasar. Misalnya jika isu penginapan anjal atau 23 jam ini ditetapkan oleh kerajaan melalui dasar tertentu, ia akan terpakai kepada semua jenis perniagaan tanpa mengambil kira kemampuan perniagaan masing-masing.

Oleh sebab itu, kita harus menggunakan peluang ini untuk mempelopori penyediaan perkhidmatan penginapan sebagai kaedah mempromosi perniagaan koperasi. Tambahan, kewujudan koperasi akan dirasai oleh masyarakat bukan sahaja sebagai penyedia pembiayaan komuniti tetapi sebagai pencabar kepada entiti-entiti perniagaan yang lain yang enggan menawarkan permintaan munasabah daripada pasaran. 

UN Tourism Iktiraf KOPEL

Oleh: Siti Zuraini Yassin
Foto: Rosli Jukrana dan Nani

Menjelajah Alam — Bersama Komuniti yang Menjaga Hutan

Bayangkan anda menyusuri sungai tenang dikelilingi hutan hujan tropika yang masih dara. Di kejauhan, kedengaran sahutan burung enggang, bunyi aliran air yang jernih, dan wajah ramah Orang Sungai menyambut anda ke perkampungan mereka. Di sinilah terletak KOPEL Bhd. — satu kisah luar biasa tentang bagaimana sebuah komuniti luar bandar di Kinabatangan, Sabah berjaya menawan dunia dengan ekopelancongan berasaskan komuniti yang tulen, lestari dan memukau.

Inilah “The KOPEL Experience” — bukan sekadar lawatan pelancongan, tetapi pengalaman sebenar untuk hidup bersama alam, memahami budaya Orang Asal, dan menjadi sebahagian daripada misi pemuliharaan hutan hujan tertua dunia. Lebih membanggakan, usaha mereka diiktiraf oleh badan dunia apabila Kampung Batu Puteh dinobatkan sebagai “Best Tourism Villages” oleh UN Tourism — satu-satunya kampung di Malaysia yang memegang gelaran berprestij itu.

Daripada MESCOT ke KOPEL: Kisah Sebuah Gerakan Komuniti

Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad (KOPEL Bhd.) bukan terbina dalam sehari. Ia bermula pada tahun 1996/97 dengan inisiatif sekumpulan belia melalui projek MESCOT yang mendapat pembiayaan

awal daripada WWF Norway. Matlamatnya adalah untuk memelihara hutan dan biodiversiti Kinabatangan sambil mencipta peluang ekonomi melalui ekopelancongan.

KOPEL Bhd. ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2003. Hari ini, koperasi ini dimiliki sepenuhnya oleh 400 orang anggota, dan menyediakan pekerjaan kepada lebih 120 penduduk tempatan — kebanyakannya daripada komuniti B40. Apa yang menjadikan KOPEL berbeza ialah gabungan antara semangat kesukarelawanan komuniti, pemuliharaan alam sekitar dan pelancongan budaya.

Menurut Pengerusi KOPEL, Encik Abd Sanih Nasri:

“Kemajuan yang mampan KOPEL adalah hasil daripada semangat kesukarelawanan daripada komuniti lokal yang mempunyai hubungan erat antara satu sama lain dan usaha yang tidak putus untuk pemuliharaan persekitarannya.”

Anugerah Dunia: Best Tourism Villages oleh UN Tourism

Pada tahun 2021, Kampung Batu Puteh diiktiraf sebagai “Best Tourism Villages” (BTV) oleh UN Tourism — sebuah pencapaian bersejarah kerana ia menjadi satu-satunya kampung di Malaysia yang menerima pengiktirafan ini.

Pemilihan sebagai BTV bukan mudah. Kampung ini memenuhi penilaian berdasarkan 3P (People, Prosperity, Planet) serta 9 indikator utama termasuk kelestarian ekonomi, sosial dan alam sekitar. Ia juga memenuhi 7 daripada



17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB, termasuk SDG 3 (Kesihatan), SDG 4 (Pendidikan), SDG 8 (Ekonomi) dan SDG 13 (Iklim).

Aktiviti Menarik: “The KOPEL Experience”

“The KOPEL Experience” menawarkan pelbagai aktiviti ekopelancongan yang bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga mendidik dan menyumbang kepada kelestarian komuniti tempatan. Antara tarikan utama ialah inap desa bersama keluarga Orang Sungai di Miso Walai Village Homestay, perkhemahan alam di Tungog Rainforest Eco Camp, pelayaran melihat hidupan liar melalui Sunset Wildlife River Cruise, serta menikmati juadah tempatan di Smiling Boat Riverside Cafe. Persembahan budaya oleh Monompos Culture Group, aktiviti konservasi seperti penanaman pokok dan pemuliharaan gua, serta program pendidikan alam turut ditawarkan. Pelawat juga berpeluang meneroka Hutan Simpan Pin-Supu, lokasi penting yang menyimpan lebih 200 keranda kayu purba di gua batu kapur serta menjadi habitat kepada “The Big 5” Kinabatangan – beruang matahari, monyet belanda, buaya air masin, orang utan dan gajah Borneo. Selain itu, pelancong boleh mencuba makanan eksotik seperti durian merah (Maarang) dan ikan masak ampap, sambil menyertai aktiviti budaya dan kraf Orang Sungai. Seperti ditegaskan oleh Pengurus Besar KOPEL, Encik Saidal Udin @ Jai, memilih pengalaman ini bermakna pelancong turut menyumbang kepada pembangunan mampan dan pemuliharaan alam sekitar Mukim Batu Puteh.



KOPEL Bukan Sekadar Koperasi

KOPEL Bhd. bukan sekadar koperasi — ia adalah nadi yang menghidupkan harapan dan perubahan untuk komuniti luar bandar. Di sebalik usaha pemuliharaan, program homestay dan aktiviti konservasi, ada satu mesej yang jelas: pembangunan mampan boleh dicapai jika alam dan budaya dihargai bersama.

Jika anda sedang mencari pengalaman pelancongan yang benar-benar bermakna, tulen dan menyentuh jiwa, maka KOPEL di Mukim Batu Puteh adalah jawapannya. Sertailah mereka dalam menanam pokok, meredah hutan, menyusuri sungai bersama hidupan liar, dan hidup bersama komuniti Orang Sungai yang penuh semangat serta kebijaksanaan tempatan. 



Arabella Julang LPPKN

Oleh: Farysa Fira

Mula bertapak sebagai koperasi kredit sejak 1972 dan kini meluaskan perniagaan dalam bidang penyediaan dewan dan perkhidmatan makanan. Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) Berhad kini mencipta perkhidmatan yang lebih efektif dalam menjana pendapatan koperasi. Koperasi yang telah menjangkau usia 53 tahun ini berpendapat, setiap perniagaan harus memahami dan seiring dengan peredaran arus semasa dan keperluan komuniti sekitar.

“Kami mula berfikir, apa lagi yang boleh dibuat untuk beri manfaat dan tambah pendapatan koperasi? Lantaran itu maka lahirlah **Arabella Event Hall** - satu langkah baru yang lebih segar, moden, dan pastinya memberi nilai tambah kepada anggota dan masyarakat,” kata Puan Nadira Mohd Zameil, Pengurus Koperasi ketika ditemuramah di Arabella Event Hall.

“Arabella membawa maksud keindahan dan kecantikan dalam bahasa Latin. Ianya seiring dengan pembinaan dewan ini yang mengambil tema hiasan yang serba moden dan menawan”, katanya.

Beliau berkata, koperasi bagaimana bertatih semula apabila menceburi bidang ini. Ianya 180 darjah berbeza daripada penawaran khidmat kredit. Namun, semangat tinggi membantu mereka untuk komited dalam menubuhkan perniagaan baru ini.

“Setiap langkah dan keputusan yang diambil harus diteliti keberkesananannya. Semua operasi diuruskan sepenuhnya oleh koperasi, serta kolaborasi bersama operator menambahkan lagi kelancaran operasi”, katanya.

Menurut Puan Sarida, selaku Bendahari Koperasi, perniagaan masa kini tidak seharusnya selesa untuk statik dan berdiam sambil menunggu pelanggan datang, sebaliknya kita yang harus mencari pelanggan.

“Kami memanfaatkan platform digital sepenuhnya. Dari media sosial, laman web rasmi hingga sistem tempahan online. Dengan penggunaan pelbagai platform sosial ini telah banyak membantu dalam mempromosikan perkhidmatan dewan. Kini nama Arabella Event Hall semakin dikenali,” katanya.

Dewan ini menyediakan pelbagai pakej menarik. Ia bagi



memudahkan pelanggan menguruskan pelbagai majlis dan tidak perlu gusar mengenai segala aspek persediaan majlis.

Koperasi akan menguruskan segala persediaan dari mula hingga berakhirnya majlis. Antara pakej yang disediakan termasuk jamuan makanan buffet, pentas dan pelamin, set meja banquet, hiasan dewan mengikut citarasa pelanggan, pengacara majlis, kemudahan tempat istirehat, dan *PA System*.

Menariknya, keindahan lanskap sekitar dewan menambah seri keunikannya. Pelanggan yang datang pasti kagum melihat hamparan tasik serta dapat menikmati pemandangan matahari terbenam yang jelas dari dewan Arabella Event Hall ini.

Menceritakan mengenai kos untuk ubahsuai serta menaiktaraf dewan yang tersergam indah ini, pengurusnya melahirkan rasa puas dan gembira dengan hasil yang telah mereka usahakan.

“Sesungguhnya, pembinaan Arabella Hall Event ni memakan belanja tinggi kerana kami menyewa dua lot kedai dan mengubahsuainya menjadi satu dewan. Kami



Suasana dewan Arabella Event Hall.

menitikberatkan setiap belanja yang dikeluarkan kerana ianya akan memberi impak dalam keuntungan koperasi. Yang pastinya, pemilihan konsep moden dan elegan ini mendapat sambutan menggalakkan khususnya daripada golongan T20," katanya.

Menurut Biro Perniagaan Koperasi, Rinawati Mohamed Nawai, golongan sasaran adalah tepat dan seiring dengan tempat yang mereka pilih untuk dewan ini. Sejak Arabella Hall Event dilancarkan, koperasi rancak mendapat tempahan majlis setiap minggu. Malahan, terdapat juga tempahan dua majlis dalam sehari.

"Pemilihan operator yang tepat juga memainkan peranan yang tinggi untuk memberikan komitmen yang efektif kepada pelanggan. Setakat ini, koperasi sudah meraih pendapatan sekitar RM100,000 sebulan hasil daripada penyediaan perkhidmatan dewan ini," katanya.

Dalam masa yang sama, koperasi turut mendapat bantuan insentif di bawah program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berjumlah RM12,500 bagi tujuan pemasaran dan promosi.

Insentif berkenaan banyak membantu dalam merencanakan perniagaan mengikut pelan seperti dirancang. Dengan insentif ini, koperasi boleh menawarkan diskaun sehingga 30% kepada pelanggan.

Tidak hanya terbatas pada perkhidmatan dewan pakej perkahwinan, koperasi turut memanfaatkan perniagaan di bulan Ramadan dengan menawarkan pakej berbuka puasa pada harga berpatutan. Pakej Iftar Ramadan akan datang, Arabella menawarkan harga serendah RM65 untuk dewasa; RM55 (warga emas) dan RM35 untuk kanak-kanak.

Menu yang disediakan juga menyelerakan seperti kambing bakar, masakan melayu, nasi beriani, masakan barat, aneka pencuci mulut, kuih-muih, ulam-ulaman dan buah-buahan. Pakej berbuka puasa ini mendapat sambutan menggalakkan dengan tempahan buffet sentiasa penuh sepanjang Ramadan yang lalu.

"Tahun ini adalah kali pertama kami menganjurkan pakej berbuka puasa dan tidak menyangka sambutannya sangat memberangsangkan. Melalui cara ini, kami juga dapat mempromosikan lagi Arabella Event Hall kepada orang ramai. Malah ada juga pelanggan sanggup datang dari jauh semata-mata untuk menikmati keunikan pemandangan dan makanan buffet yang kami tawarkan," katanya.



Bilik rehat untuk kegunaan pengantin dan penganjur program.



Sentiasa mendapat tempahan penuh sepanjang bulan Ramadan.

Menyentuh pelan jangka panjang, koperasi merancang membina Arabella Event Hall kedua dalam tempoh dua tahun. Namun begitu, pengurusan turut menekankan tentang pentingnya untuk mengambil serius terhadap komen dan aduan pelanggan berkenaan perkhidmatan yang telah ditawarkan.

"Ini amat penting dalam membantu perniagaan untuk melangkah lebih jauh. Setiap penambahbaikan dan cadangan daripada pihak luar ini akan memudahkan proses membina Arabella Event Hall yang seterusnya. Perniagaan perkhidmatan seharusnya dekat di hati masyarakat dan anggota koperasi," kata Nadira. 



Oleh: Sairul Nurul Huda Idayu Binti Saifudin

Di tengah kehijauan alam semula jadi, Pasoh muncul sebagai destinasi agro pelancongan yang menawan, menggabungkan keindahan alam dengan pengalaman pelancongan yang autentik.

Bayangkan diri anda melangkah ke alam semulajadi dan tumbuhan segar menyambut kedatangan anda. Agro pelancongan bukan hanya tentang melihat kecantikan alam flora dan fauna, tetapi juga tentang merasai, mempelajari proses alam serta menyelami budaya setempat yang kaya.

Industri ini bukan sekadar peluang untuk memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha dan masyarakat tempatan, tetapi turut menjadi medium untuk menyatukan masyarakat serta mempromosikan produk tempatan.

Selain itu, dengan berkoperasi ia dapat memelihara warisan budaya serta tradisi tempatan yang berharga. Dengan menyokong aktiviti ekonomi Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad, pengunjung dapat menyumbang kepada kelestarian tradisi yang telah wujud sekian lama di sini serta menyokong pembangunan ekonomi baharu di FELDA Pasoh.

Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad telah didaftarkan pada 22 Disember 2023, berfungsi sebagai teras kepada pengembangan sektor pelancongan di kawasan Pasoh ini.

Dengan keanggotaannya seramai 43 orang, koperasi ini berusaha menawarkan pengalaman pelancongan unik dan mencabar, menyambut pelancong tempatan dan asing dengan tangan terbuka. Koperasi juga menerapkan nilai bahawa setiap anggota adalah duta budaya dan berbangga untuk berkongsi cerita dan warisan mereka.

Koperasi menyediakan pelbagai pakej pelancongan kepada pengunjung, termasuk 12 Inap Desa yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) diuruskan sendiri oleh anggotanya. Bayangkan menginap di rumah tradisional, di mana anda dapat merasai kehangatan dan keakraban keluarga tempatan. Para pelancong juga pasti teruja dengan pelbagai produk yang dihasilkan oleh para pemilik Inap Desa. Malah produk yang dihasilkan menyokong kepada kelestarian alam sekitar seperti penternakan ikan air tawar dalam kolam dan menggunakan air kolam tersebut



Tarik upih merupakan permainan tradisional yang popular di luar bandar.



Laman Budaya di Felda Pasoh 4 menjadi hub kepada petunjukan kebudayaan, kraf dan sukan tradisional.



sebagai baja untuk kebun. Ditambah lagi dengan aktiviti menarik seperti merentas hutan dan gua yang menyimpan pelbagai misteri, setiap detik di Pasoh ini.

Gua Pelangi adalah tarikan utama di lokasi ini selain menyimpan sejarah dan keindahan alam. Gua ini juga adalah tapak kajian arkeologi bagi pengkaji tempatan mahupun antarabangsa.

Selain itu, gua ini turut menawarkan pengunjung peluang untuk merasai keajaiban alam serta mengetahui kisah-kisah silam melalui tinggalan artifak zaman prasejarah. Aktiviti seperti Geo Trail Gua Pasoh dan demonstrasi masakan tradisional bukan sahaja mendidik tetapi juga menyentuh hati pelancong.

Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad juga adalah penerima insentif kewangan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) sebanyak RM12,500 bagi mempromosikan aktiviti perniagaannya.

Selain itu, koperasi ini turut menerima bantuan di bawah program Desa Lestari berjumlah RM1,000,000 bagi pembinaan prasarana. Dengan bantuan berkenaan, ia menjadi titik permulaan bagi menonjolkan potensi besar Pasoh sebagai pusat agro pelancongan.

Setiap aktiviti perniagaan koperasi bukan sahaja dapat menjana pendapatan penduduk, malah mengeratkan hubungan kebersamaan dalam masyarakat setempat. Sokongan bagi inisiatif ini penting supaya dapat menjaga warisan dan pengunjung juga dapat merasai keindahan alam semulajadi di Pasoh.

Agro pelancongan di Malaysia bukan sekadar peluang, tetapi adalah panggilan untuk kembali kepada akar, merasai keindahan dan keunikan warisan kita. Jelas bahawa Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad, yang dipimpin Norazlini Mohd Ali, turut mengubah taraf ekonomi masyarakat setempat melalui aktiviti agro pelancongan. 



Gua Kelawar menyimpan 1001 sejarah manusia pra-sejarah.



ALBUM FOTO



Gua Kelawar, Gua Tirai dan Gua Pelangi tidak lekang dari menerima kunjungan pelancong dari luar dan dalam negara.





Golongan belia turut menunjukkan penyertaan yang aktif dalam aktiviti kebudayaan di Felda Pasoh 4.





Keunikan Pusat Berpantang ATAS AMBEN

Oleh: Farysa Fira



AMBEN menurut definisi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bermaksud balai-balai atau geta. Bagaimanapun, menurut Dayang Salbiah Daim iaitu Pengerusi Koperasi menjelaskan “perkataan ‘atas amben’ itu diambil sempena dialek bahasa Melayu Sarawak yang membawa maksud penjagaan berpantang selepas ibu bersalin. Selain ingin menonjolkan keunikan perkhidmatan berkenaan melalui nama koperasi, kami juga ingin menyahut seruan kerajaan dalam melestarikan penggunaan bahasa Melayu”.

Kedudukan lokasi perniagaan koperasi yang strategik terletak dalam jarak 10 minit dengan menaiki kenderaan dari tol Ayer Keroh, telah meningkatkan potensi koperasi dalam mendapatkan pelanggan.

Berdasarkan keterangan Datin Rafidah selaku Bendahari Koperasi “dalam sebulan kami mampu menjana pendapatan sekitar RM30 ribu hingga RM40 ribu”.

Tambahan, keunikan perkhidmatan koperasi yang menggabungkan kaedah moden dan tradisional dalam perkhidmatan penjagaan bayi dan ibu berpantang mampu memberi alternatif serta kepuasan kepada pelanggan.

Sebagai contoh, koperasi menawarkan pelbagai jenis kaedah rawatan serta urutan seperti urutan Sweden, urutan tungku panas, *Iteracare hot air blower* dan urutan tradisional bergantung kepada tahap kesihatan pelanggan.

Koperasi turut menawarkan perkhidmatan nasihat kesihatan mental kepada ibu berpantang. “Khidmat nasihat berkait dengan pengurusan psikologi ibu berpantang boleh

dilaksanakan melalui perjumpaan secara fizikal atau atas talian” ujar Nicole Kok Guat Hoon, Setiausaha merangkap Pelatih Emosi Koperasi.

Pakej berpantang tidak lengkap tanpa diet untuk ibu berpantang, antara makanan yang menjadi kegemaran utama ibu berpantang adalah Ayam Khar Chiam Maa. Ayam ini dimasak bersekali dengan rempah Khar Chiam Maa iaitu sejenis herba tradisional yang telah lama digunakan oleh penduduk Sarawak.

Antara khasiat yang diperolehi daripada diet ini adalah herba ini dapat membantu memperbaiki peredaran darah, mempercepatkan pengecutan uterus selepas bersalin serta merendahkan tekanan darah.

Keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan adalah tumpuan utama koperasi. Ini dapat dicapai dengan memastikan semua bidannya terlatih serta mempunyai mutu perkhidmatan berkualiti.

Bidan koperasi yang juga anggotanya seramai 23 orang dari seluruh negara wajib mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia tahap 3 dengan Jabatan Kemahiran Malaysia serta mendaftarkan diri sebagai Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi memastikan setiap bidan mematuhi syarat ini, pihak koperasi menyediakan latihan dan tempoh praktikal yang sewajarnya bagi membolehkan mereka lulus bagi tujuan mendapatkan sijil dan lesen.



Selain daripada keyakinan pelanggan, pematuhan terhadap *Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan* (*National Occupational Skill Standard - NOSS*) yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, boleh memudahkan urusan pelanggan yang juga pemegang kad perubatan (tertakluk kepada pakej insuran yang dilanggan) untuk melanggan perkhidmatan ini disamping dapat meluaskan peluang koperasi untuk menjana pendapatan.

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh mana-mana koperasi adalah untuk mengekalkan kesetiaan anggotanya. Pun begitu, koperasi ini berjaya mengadunkan antara nilai kepercayaan dan keperluan materialistik anggota melalui koperasi.

Ini kerana setiap individu yang bergabung dalam sesuatu koperasi adalah berdasarkan kepada kepentingan atau keperluan yang bersifat materialistik. Formulasi koperasi adalah memastikan anggota kekal setia untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi koperasi.

"Kami mengenakan kadar upah yang lebih tinggi daripada kadar biasa iaitu sebanyak RM150 sehari berbanding RM80 sehari" ujar Penaung Koperasi.

Koperasi yang baharu didaftar pada 24 Julai 2024 adalah hasil inisiatif gabungan antara individu-individu yang mempunyai pelbagai latar kepakaran dalam bidang perubatan, pelatih emosi dan perubatan tradisional selepas mendapat hebahan mengenai penggalakan penubuhan koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Melaka.

Selain itu, Dato' Dr. Muhammad Nazrul Azhar Wageh, Penaung Koperasi ini menyatakan antara cabaran lain adalah "pihak kami perlu mematuhi pelbagai pematuhan perundangan. Contohnya, Akta Perubatan Tradisional



dan Komplementari, Akta Koperasi serta piawaian NOSS. Fungsi saya dalam koperasi adalah memberi bimbingan dan nasihat kepada koperasi agar aktiviti perkhidmatan penjagaan bayi dan ibu berpantang ini sentiasa mengikut lunas undang-undang semasa yang sedang berkuatkuasa bagi mengurangkan risiko kesilapan semasa mengendalikan perkhidmatan berkenaan".

Selain menyediakan perkhidmatan penjagaan bayi dan ibu berpantang, koperasi turut mengadakan kelas *postnatal* kepada ibu bapa khususnya bagi mereka yang pengalaman pertama kali bergelar ibu bapa.

Pihak koperasi amat berharap dapat membesarkan lagi perniagaan mereka dengan dapat menganjurkan kelas *antenatal* kepada bakal ibu bapa bagi memantapkan kefahaman dan kesediaan ibu bapa khususnya jika berada dalam situasi kecemasan.

Koperasi juga berhasrat untuk meluaskan ruang perniagaan dengan membeli rumah atau lot kedai melalui pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM dan Geran Pembangunan Perniagaan Koperasi dalam menaiktaraf premis dan peralatan koperasi. 



Bulan Koperasi Kebangsaan 2025

Oleh: Safuan Roslee

“Gerakan koperasi bukan sekadar platform ekonomi, tetapi wahana solidariti, kerjasama dan kelestarian komuniti.”

Bulan Jun 2025 menyaksikan sambutan gilang-gemilang Hari Koperasi Antarabangsa dan Bulan Koperasi Kebangsaan Tahun 2025 (BKK'25) yang dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedict, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, bertempat di Putrajaya. Majlis ini bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar koperasi kepada ekonomi negara, malah memperkukuh agenda nasional dalam memperkasa masyarakat melalui semangat kerjasama kolektif.

Rekod Mencerminkan Kejayaan

Setakat Disember 2024, Malaysia mencatat sebanyak 16,284 koperasi dengan keanggotaan melebihi 7.2 juta individu. Jumlah syer dan yuran yang dikumpulkan mencecah RM18.3 bilion, manakala aset keseluruhan melebihi RM173 bilion. Nilai perolehan tahunan sebanyak RM68.18 bilion jelas membuktikan keupayaan besar sektor ini dalam menyumbang secara langsung kepada pembangunan ekonomi negara.

Statistik ini mencerminkan bahawa koperasi bukan lagi entiti kecil dalam ekonomi rakyat – malah kini merupakan satu sektor strategik yang menjadi pelengkap kepada ekosistem pembangunan negara, selari dengan prinsip Ekonomi MADANI.

Inisiatif Menyentuh Akar Umbi

Dalam usaha merakyatkan lagi gerakan koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memperkenalkan Program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK), dengan peruntukan RM2 juta bagi melibatkan 160 koperasi di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk membantu koperasi yang terlibat dalam aktiviti pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan



mempergiatkan aktiviti promosi sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 nanti.

Sementara itu, Program Jualan MADANI Koperasi (JMK) turut diperkenalkan dengan peruntukan RM642,000. Program ini dilaksanakan secara menyeluruh di pelbagai lokasi dengan matlamat menggalakkan penglibatan koperasi dalam aktiviti ekonomi tempatan serta memberi manfaat terus kepada komuniti setempat. Ia bukan sahaja memperluas akses pasaran bagi produk koperasi, malah merangsang ekonomi rakyat secara langsung.

Simbol Solidariti Global

Sambutan BKK'25 ini lebih bermakna kerana diraikan bersempena Hari Koperasi Antarabangsa, yang diiktiraf secara global oleh International Co-operative Alliance (ICA) pada Sabtu minggu pertama bulan Julai setiap tahun. Ini menjadikan sambutan nasional ini selari dengan solidariti gerakan koperasi sedunia – yang mementingkan nilai demokrasi, keterangkuman dan pembangunan mampan.

Mengangkat Martabat Koperasi Nasional

Majlis Peluncuran BKK'25 turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi



(KUSKOP), serta YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B), Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Sambutan ini, yang dianjurkan oleh KUSKOP melalui SKM, mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkukuh ekosistem koperasi sebagai pemangkin kesejahteraan rakyat. Ia bukan sekadar perayaan, tetapi satu wadah untuk meningkatkan kesedaran, memupuk semangat berorganisasi dan membina kekuatan ekonomi bersama secara kolektif.

Koperasi Milik Kita Semua

Bulan Koperasi Kebangsaan adalah manifestasi penghargaan terhadap sumbangan signifikan koperasi kepada pembangunan sosioekonomi negara. Ia mengajak kita semua – sebagai ahli komuniti, pengguna, pengeluar dan pentadbir – untuk terus menyokong dan menyertai gerakan koperasi sebagai satu usaha bersama membina masa depan yang lebih adil, inklusif dan lestari.

“Koperasi adalah simbol rakyat bekerja bersama, bukan hanya untuk untung – tetapi untuk kemajuan bersama.” **gk**





GIBS

Saji Lokasi Percutian Terbaik

Oleh: Farysa Fira

Jika anda mencari tempat percutian yang menenangkan dikelilingi keindahan alam semula jadi, GIBS Ecotourism Resort di Ulu Yam adalah pilihan terbaik!

Hanya 30 minit dari pusat bandar Kuala Lumpur, lokasi ini menawarkan pengalaman yang jauh daripada kesibukan kota, ditemani desiran air sungai yang menyegarkan jiwa.

GIBS (Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor) adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan pada 1986 untuk membantu golongan profesional dan usahawan Bumiputera di Selangor.

Pada 1996, mereka membeli tanah seluas 35 ekar di Ulu Yam dan mula membangunkannya pada 2016. Demi memperkukuh operasi ekopelancongan ini, GIBS menubuhkan koperasi yang kini mengendalikan resort ini.

Menyedari keterbatasan dalam memenuhi tuntutan sosialnya, koperasi menjadi entiti yang lebih fleksibel dalam memastikan matlamat sosial dapat dicapai. Berbanding Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), koperasi mempunyai kelebihan dalam menjalankan aktiviti perniagaan untuk menjana pendapatan dan memberi manfaat kepada anggota serta masyarakat.

Oleh itu, GIBS mengambil inisiatif menubuhkan **Koperasi Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor Berhad**, serta menaja sebahagian modal syer ahlinya untuk menyertai koperasi ini.

Dengan modal permulaan sebanyak RM300,000, koperasi melangkah ke dalam industri ekopelancongan dengan membeli **10 unit cabin chalet, sebuah kafe, dan peralatan permainan rentas halangan**. Semua infrastruktur ini



ditempatkan di atas tanah GIBS dengan perjanjian pajakan selama 10 tahun.

Menggunakan konsep '**Kekal Sihat Bersama Alam Semulajadi**', resort ini menawarkan pelbagai aktiviti yang mendekatkan pengunjung dengan keindahan alam.

Menurut Dr. Hj Shahr, Bendahari Koperasi, inspirasi konsep ini datang daripada kebersihan serta kejernihan Sungai Batu di Ulu Yam. Berdasarkan tema ini, resort menyediakan pelbagai kemudahan seperti penginapan kabin, wakaf riadah, dan tapak perkhemahan untuk keselesaan pengunjung.

Selain itu, resort juga menawarkan pengalaman unik menerusi aktiviti seperti rentas sungai, rentas halangan, lawatan ke dusun tropika, serta eksplorasi hutan simpan bagi membolehkan pengunjung menikmati keindahan alam secara lebih dekat.



Antara tarikan utama:

- **Penginapan unik** – 20 unit chalet kabin suite (10 daripadanya dimiliki koperasi) dan 10 unit asrama kabin suite.
- **Aktiviti alam semula jadi** – Rentas sungai, rentas halangan, melawat dusun tropika dan hutan simpan.
- **Kemudahan lengkap** – Surau, dewan terbuka dan tertutup, tapak perkhemahan, 39 wakaf riadah, permainan rentas halangan, dan kafe.
- **Lokasi mesra keluarga dan korporat** – Sesuai untuk percutian keluarga, program syarikat, atau aktiviti berkumpulan.

Waktu Terbaik untuk Berkunjung

Resort ini boleh dikunjungi sepanjang tahun, tetapi menurut Puan Suraya Hana, selaku Pengurus Koperasi, waktu terbaik untuk berkunjung ke GIBS Ecotourism Resort adalah antara hujung Jun hingga awal Ogos jika anda mahu menikmati musim buah-buahan tropika yang segar.

Harga Berpatutan untuk Semua

Kadar caj penginapan yang dikenakan di GIBS Ecotourism Resort berpatutan:

- Penginapan Kabin: RM150/malam (Isnin-Khamis) RM200/malam (Jumaat-Ahad)
- Sewa Wakaf: RM40/sehari (8 jam) – lengkap dengan kipas, plug point, dan kanvas

Eksekutif Perakaunan Koperasi, Puan Durah Ain turut menambah, bahawa bagi mereka yang ingin menikmati percutian bajet atau berkelah, GIBS Ecotourism Resort menyediakan pelbagai kemudahan tambahan.



Kabin chalet yang kemas dan selesa.



Pengunjung boleh menyewa set BBQ, tikar riadah, pelampung, melanggan makanan dan minuman di kafeteria, serta membeli pakaian mandi yang disediakan. Dengan kemudahan ini, setiap pengunjung dapat menikmati pengalaman rekreasi yang lebih selesa dan menyeronokkan.

Koperasi GIBS Berhad komited untuk memajukan lagi resort ini bekerjasama dengan Tourism Selangor dan hotel-hotel sekitar Lembah Klang.

Menurut Bendahari Koperasi, “Kita akan terus bekerjasama dengan **Tourism Selangor** melalui penyertaan program mereka dalam mempromosi produk serta pakej yang ditawarkan di sini.

“Kami juga bercadang mengadakan hubungan dengan hotel-hotel yang strategik di sekitar Lembah Klang bagi memaksimumkan kehadiran pengunjung terutamanya pada Isnin hingga Khamis”, katanya.

Bagi mencapai objektif berkenaan, pihak koperasi bercadang mendapatkan geran serta pembiayaan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menaiktaraf serta membeli kenderaan bagi menyediakan pengangkutan bagi memudahkan akses pelancong dari hotel-hotel di sekitar Lembah Klang.

Bendahari turut memaklumkan bahawa di kawasan berkenaan tidak dibenarkan untuk membina bangunan kekal bagi menjamin kelestarian alam sekitar.

GIBS Ecotourism Resort bukan sahaja destinasi percutian, tetapi juga usaha murni dalam menjaga kelestarian alam sekitar. Jadi, jika anda ingin menikmati keindahan flora dan fauna serta pengalaman percutian yang unik, jangan lepaskan peluang untuk berkunjung ke sini! 

Setia Jaya Julang Pelancongan Pulau Redang

Oleh: Farysa Fira

Ramai kurang mengetahui kewujudan komuniti penduduk Kampung Pulau Redang. Selain kedudukan kampung di tengah pulau, sebilangan besar pelancong yang berkunjung ke pulau berkenaan dengan menaiki feri dari Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu akan terus menuju ke lokasi penginapan di sekitar Pasir Panjang, yang menjadi tumpuan utama pelancongan komersial.

Keadaan ini sedikit sebanyak telah meminggirkan pembangunan ekonomi masyarakat setempat khususnya penduduk di Kampung Pulau Redang. Namun, kewujudan Koperasi Setia Jaya Pulau Redang Kuala Terengganu Berhad telah membuka ruang dan peluang kepada komuniti setempat untuk turut sama menikmati limpahan manfaat daripada sektor pelancongan.

Koperasi berkenaan menjadi pemangkin dalam memperkasa ekonomi penduduk kampung melalui pelbagai inisiatif perkhidmatan pelancongan dan keusahawanan tempatan yang sistematik dan tersusun.

Koperasi mengambil langkah proaktif dengan menyediakan perkhidmatan pelancongan yang kompetitif

untuk menarik kehadiran pelancong serta memperkenalkan kawasan kampung kepada umum.

Koperasi kini mengendalikan dua buah van pelancong dengan kapasiti masing-masing 10 dan 12 orang. Pakej ini menawarkan sewaan RM300 sehari atau RM30 seorang bagi satu perjalanan.

Selain pengangkutan darat, koperasi juga menyediakan dua buah bot persiaran yang boleh memuatkan 10 hingga 12 orang penumpang. Pakej bot yang disediakan berharga RM500 bagi setiap perjalanan dan merangkumi lawatan ke lokasi ikonik sekitar Pulau Redang.

Pelancong akan dibawa Teluk Dalam untuk melihat penyu, kawasan Taman Laut untuk menyaksikan keindahan batu karang dan ikan, serta beberapa lagi tempat menarik di sekitar Pulau Redang.

Usaha murni koperasi berkenaan telah memberi nilai tambah kepada penduduk sekitar kerana membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Semua aset pengangkutan berkenaan dibiayai melalui program Desa Lestari di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah berjumlah RM500,000 sejak 2024.



Van milik Koperasi Setiajaya Pulau Redang Kuala Terengganu Berhad.



YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif SKM menyampaikan plak.

Lebih membanggakan, koperasi juga mengusahakan sebuah kilang air batu yang dilengkapi dengan mesin berkapasiti lima tan. Kilang berkenaan berupaya menghasilkan antara 450 hingga 500 kampil air batu seberat 10 kilogram setiap hari.

Setiap kampil air batu itu dijual pada harga RM4.50, menjadikan industri ini sebagai salah satu penyumbang pendapatan tetap koperasi. Kilang berkenaan turut dilengkapi bilik sejuk beku yang boleh memuatkan sehingga 500 kampil dalam satu-satu masa.

Ini sekaligus membolehkan koperasi menampung permintaan tinggi khususnya ketika musim pelancongan antara April hingga Ogos. Pembelian mesin air batu ini dibiayai melalui Geran Bantuan Pembangunan SKM sebanyak RM250 ribu pada 2018.

Sehingga 31 Mac 2024, koperasi mencatatkan pendapatan RM109 ribu. Tujuh puluh peratus daripada jumlah berkenaan adalah hasil sumbang daripada aktiviti pelancongan.

Pendapatan yang mapan ini membuktikan keupayaan koperasi sebagai agen perubahan dalam merangsang pembangunan ekonomi setempat. Koperasi ini diterajui barisan kepimpinan yang komited dan berwibawa iaitu Zol Mohd Nor selaku Pengerusi. Manakala Rozila Ami sebagai Setiausaha dan Haji Lokman Omar sebagai Bendahari. 



Dengarlah Salakan Anjing: Tadbir Urus Aset yang Cekap Bantu Lonjak Modal dalaman Koperasi

Oleh: Hernando de Soto

Gambarkan sebuah negara yang undang-undang pemilikan hartanah peribadinya tidak lengkap, sehingga warga tidak dapat mengenalpasti aset mereka dan sesuatu aset itu tidak dapat dipastikan milik siapa. Negara yang kedudukan alamat premis sukar disahkan, menyebabkan pemiutang tidak dapat mencari penghutang—sebuah sistem yang menghalang rumah dan perniagaan dijadikan cagaran bagi mendapatkan pinjaman. Bayangkan sebuah sistem hak milik yang tidak dapat mengagih-agihkan syer sesuatu perniagaan sehingga tiada satu kaedah seragam dan berdaya maju untuk memperincikan aset.

Selamat datang kepada rutin seharian dunia ketiga, penempatan bagi 5/6 penduduk dunia. Kehidupan mereka membayangkan sejenis paradok: kapitalisme seharusnya menjadi penyelesaian kepada masalah kemunduran sejagat, tetapi, setakat ini ia tidak mempunyai peluang untuk dibuktikan malahan lebih malang lagi ia tidak pernah pun dicuba. Dalam sebuah ekonomi kapitalis, semua operasi diasaskan kepada undang-undang hakmilik dan urus niaga berkaitannya, tetapi undang-undang hartanah di Dunia Ketiga tidak menyenarai 80% aset dan urus niaga penduduknya. Orang miskin terasing jauh daripada kegiatan ekonomi, seperti kaum berkulit hitam dan kaum miskin kulit putih di zaman pemerintahan Apartheid di Afrika Selatan. Kenapa perkara ini begitu penting? Program-program reformasi mikroekonomi konvensional selalu mengabaikan golongan miskin, dengan andaian mereka tidak mempunyai sebarang

modal untuk membina dan menjana nilai agregat. Tanggapan tersebut adalah satu kesilapan besar, saya bersama kumpulan penyelidik, baru-baru ini telah menamatkan satu siri kajian terhadap ekonomi 'bawah tanah' di Dunia Ketiga dan merumuskan bahawa sebenarnya golongan miskin tidaklah terlalu daif seperti sering disangkakan.

Aset mereka di Peru mencecah jumlah 90 bilion dollar, sebelas kali ganda nilai semua stok yang tersenarai di pasaran saham Peru dan 40 kali ganda jumlah bantuan asing yang diterima negara itu sejak akhir Perang Dunia Kedua. Di Mexico jumlah itu dianggarkan 315,000 juta, 7 kali ganda nilai PAMEX, syarikat minyak kebangsaan negara tersebut. Masalah sebenar terletak pada hakikat golongan miskin dan kelas menengah tidak diizinkan menggunakan aset mereka sebagaimana kelas atasan berbuat demikian. Satu daripada cabaran-cabaran besar politik yang dihadapi Dunia Ketiga ialah untuk menggerakkan barangan-barangan ini dari sektor "di luar proses undang-undang", seperti yang ada hari ini kepada suatu sistem hak milik sah yang kurang mengongkong, dan membolehkan aset tersebut lebih produktif kepada semua pihak selain menjana modal untuk pemilik-pemilikanya.

Pengalaman lalu membuktikan kerajaan-kerajaan Dunia Ketiga berjaya mereformasikan sistem hak milik yang lemah, sekurang-kurangnya apabila berurusan dengan golongan kaya. Contohnya, pada 1990 Syarikat Telefon Peru (CPT) dianggarkan mempunyai nilai 53 juta dolar. Bagaimanapun kerajaan gagal menjual stok CPT kepada pelabur-pelabur



asing, akibat masalah hak milik sejumlah besar asetnya. Kerajaan Peru mengambil keputusan untuk mengumpul pakar-pakar perundangannya bagi menyelesaikan masalah ini sesuai dengan piawai yang ditetapkan oleh ekonomi sejagat.

Hasilnya, harta-harta dengan mudah ditukar kepada saham. Peraturan-peraturan yang melindungi kepentingan pihak ketiga diwujudkan untuk menarik pelabur-pelabur menanam modal mereka. Pasukan pakar perundangan itu juga menggubal undang-undang bagi litigasi kes-kes harta pusaka, dengan memirau sistem kehakiman Peru yang lembab dan korup. Tiga tahun kemudian, CPT menyertai dunia penjualan modal cair dengan jumlah 2,000 juta dolar, atau 37 kali ganda daripada nilai awal pasarannya. Beginilah kehebatan sistem hak milik yang baik berperanan. Adalah penting bagi golongan tak berada mengetahui apa yang sebenarnya mereka miliki untuk mendapatkan hak milik sah aset-aset mereka, agar mereka mampu mengenalpasti modal upaya mereka. Bagaimana kita boleh berbuat demikian?

Sembilan tahun lalu kerajaan Indonesia menjemput saya sebagai pakar perunding untuk mengenal pasti aset-aset pada sektor di luar proses undang-undang, yang melibatkan 90 peratus penduduknya. Tanpa menganggap diri sebagai seorang pakar tentang negara tersebut, saya dapati di setiap kawasan sawah padi yang saya kunjungi, setiap anjing pengawal menyalak. Anjing tidak perlu memiliki PhD untuk mengenali aset-aset tuannya. Oleh itu nasihat saya kepada anggota-anggota kabinet Indonesia ialah "dengarlah salakan anjing". "Ah, Jakum Adat, hak rakyat," jawab seorang daripada setiausaha kerajaan mereka. Sejarah kapitalisme

Barat menunjukkan bagaimana kerajaan-kerajaan, dalam tempoh beratus-ratus tahun, membentuk "hak-hak rakyat" bagi menyeragamkan peraturan dan kod yang boleh difahami dan dipatuhi oleh semua orang. Hartanah yang diwakili

oleh anjing pengawal, pagar, dan pengawal keselamatan bersenjata boleh ditukar kepada geran hak milik, syer dan sijil. Apabila Barat berjaya memberi tumpuan kepada hak milik rumah, selain rumah itu sendiri, ia memiliki kelebihan yang sangat besar berbanding negara-negara lain di seluruh dunia. Undang-undang geran hak milik, saham dan harta pusaka dibenarkan dianggap sebagai barangan, bukan sekadar tujuan dasarnya rumah sebagai tempat berlindung tetapi juga boleh berperanan sebagai cagar pinjaman bagi memulakan sesuatu perniagaan. Tanpa halangan yang besar, melalui piawaian sistem hak

milik yang dapat memadukan semua, bangsa-bangsa Barat berjaya membina anak-anak tangga yang membolehkan rakyat mereka mendaki dari dunia kebendaan 'bawah tanah' yang lintang pukang kepada cakerawala modal yang luas terbentang.

Bukan lagi sebagai masalah besar, golongan miskin sebenarnya satu penyelesaian. Dan sekaranglah masa yang sesuai bagi ahli-ahli politik memikirkan golongan ini dari perspektif yang saya terangkan, dan bukan sebagai untuk golongan elit yang harus menguasai penafsiran kekayaan. 

Rencana ini diterjemah daripada tulisan asal berjudul "The Secret of Non-Success" yang terbit dalam majalah Time, 16 April 2004.

PEMBAYARAN TANPA TUNAI MELALUI PENGUNAAN JOMPAY BAGI PERKHIDMATAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) PANDUAN PENGUNAAN JOMPAY

1



Log Masuk ke Perbankan Internet / Mudah Alih Anda

- Log masuk ke akaun bank anda melalui laman web rasmi atau aplikasi mudah alih.

2

Langkah 2: Pilih Menu "JomPAY"

- Biasanya terdapat di bawah menu "Pembayaran" atau "Bayar Bil".



3



Langkah 3: Masukkan Maklumat Pembayaran

- Masukkan butiran seperti yang terdapat pada bil/invois:
- Biller Code: [Masukkan kod mengikut jenis bayaran perkhidmatan seperti jadual dibawah].

BIL	AKAUN SURUHANJAYA	DANA	JENIS BAYARAN PERKHIDMATAN	BILLER CODE	NAMA BILLER CODE	PENGUNAAN BERMULA
1.	MAYBANK	KWO	Fi Audit dan Sewaan	924233	KUMPULAN WANG OPERASI S KM	1 JUN 2025
		KWAPB	Caruman KWAPb Sabah	250332	CARUMAN KWAPB-SABAH	1 JUN 2025
			Caruman KWAPb Sarawak	130849	CARUMAN KWAPB-SARAWAK	1 JUN 2025
2.	CIMB BANK	KWAPD	Caruman KWAPd Sabah	754432	CARUMAN KWAPD-SABAH	1 JUN 2025
			Caruman KWAPd Sarawak	738799	CARUMAN KWAPD-SARAWAK	1 JUN 2025
3.	BANK RAKYAT	KWAPB	Caruman KWAPb Semenanjung Malaysia dan Sewaan KWAPb	247890	CARUMAN KWAPB	1 JULAI 2025
		KWAPD	Caruman KWAPd Semenanjung Malaysia dan Sewaan KWAPd	136259	CARUMAN KWAPD	1 JULAI 2025

- ☒ Ref-1: [Gabungan Kod PTJ dan Nombor Pelanggan]
- ☒ Ref-2: [No. Invois / No. Telefon]
- ☒ Jumlah Bayaran: RM [Jumlah yang hendak dibayar]

4

Langkah 4: Sahkan Maklumat

- Semak semula semua maklumat yang dimasukkan. Pastikan semuanya betul.



5

Langkah 5: Hantar & Simpan Resit

- Klik "Hantar" atau "Bayar". Simpan atau cetak resit sebagai bukti pembayaran.

NOTA PENTING:

- Pastikan maklumat pembayaran dimasukkan dengan tepat
- Simpan resit atau bukti pembayaran

KT kini menawarkan

Pembiayaan Kontrak

yang merupakan kerjasama strategik bersama Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada kontraktor atau pembekal MINDEF.



Margin pembiayaan

sehingga

100%

kos kontrak

atau nilai pembiayaan hanya disediakan sehingga 80% dari nilai kontrak (yang mana lebih rendah).

Fleksibel

Struktur pembiayaan, termasuk

- ▶ tempoh &
- ▶ kaedah bayaran

kepada pembekal, disesuaikan mengikut keperluan kontrak.

Kadar Keuntungan

serendah
6%

(tertakluk kepada profil risiko)

Pembiayaan Kontrak

ini menyediakan pembiayaan modal kerja

turut terbuka kepada pelanggan yang diberikan kontrak oleh mana-mana Kementerian lain.

Kelayakan:

- ✓ Syarikat beroperasi lebih dua (2) tahun.
- ✓ Rekod keuntungan bagi dua (2) tahun terkini.
- ✓ Networth positif.
- ✓ Terbuka untuk kontraktor, pembekal, atau vendor dalam industri pembinaan, perdagangan, dan perkhidmatan dengan sijil sah.

Sekuriti:

- ✓ Penyerahan hak hasil kontrak (Deed of Assignment).

SOAL JAWAB

Soalan:

Bolehkah koperasi membuat pinjaman daripada anggota koperasi yang berkemampuan untuk mendapatkan modal menjalankan operasi koperasi?

Jawapan:

Seksyen 50 Akta Koperasi 1993 [Akta 502] menetapkan bahawa dalam menjalankan operasi Koperasi, wang sesuatu koperasi boleh diperdapatkan melalui, antaranya:

- (i) Syer, yang dilanggan dan dibayar oleh anggota;
- (ii) Simpanan khas daripada anggota;
- (iii) Deposit atau pinjaman daripada anggota;
- (iv) Deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (v) Pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan yang berlesen; dan
- (vi) Pinjaman daripada mana-mana Koperasi sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Deposit atau pinjaman daripada anggota boleh diperdapatkan oleh Koperasi sepertimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 52(1) Akta 502, tertakluk kepada kehendak subseksyen 52(3) Akta yang sama yang menghendaki sesuatu Koperasi untuk memberitahu anggotanya mengenai

pinjamannya daripada anggota pada mesyuarat agung tahunannya.

Pengurusan kewangan dan pengurusan projek yang baik, kukuh serta terurus adalah asas utama kejayaan Koperasi yang hendaklah diambil perhatian dengan serius. Dalam hal ini, GP27: Garis Panduan Tadbir Urus Koperasi telah menggariskan keperluan pengurusan dan tadbir urus yang baik (good governance) yang merangkumi tanggungjawab anggota Lembaga termasuklah:

- (i) mengkaji dan meluluskan dasar, strategi dan perancangan perniagaan serta memantau prestasi pengurusan perniagaan koperasi;
- (ii) memastikan pengurusan yang kompeten;
- (iii) memastikan koperasi dikendalikan secara berhemah dalam skop perundangan dan dasar berkaitan;
- (iv) memastikan koperasi menyediakan dasar pengurusan risiko;
- (v) memastikan koperasi menyediakan pelan kesinambungan untuk terus kekal relevan dan berdaya saing; dan
- (vi) memastikan aktiviti koperasi dapat memberi manfaat kepada anggota dan komuniti. 



KOSAS
TRAVEL & TOURS SDN BHD

WILAYAH PERSEKUTUAN SELANGOR PERLIS KEDAH
PULAU PINANG PERAK NEGERI SEMBILAN TERENGGANU
MELAKA JOHOR KELANTAN SARAWAK
SABAH PAHANG

PAKEJ DOMESTIK (INBOUND)
PAKEJ PULAU VIRAL
PAKEJ HARI KELUARGA
PAKEJ TEAM BUILDING
PAKEJ MICE
RESERVATION AIR-TICKET

KOSAS TRAVEL & TOURS SDN BHD

kosastravel.com.my 603-7865 4429/30

BOOK NOW

3D2N TREC (RM 740)

Local Nature Guide
Accommodation
Meals
Wildlife River Cruises
Jungle Trekking
Tree Planting
Night Jungle Walk

3D2N TREC + SUPU TRIP (RM 840)

Local Nature Guide
Accommodation
Meals
Wildlife River Cruises
Supu Adventure Trekking
Tree Planting
Night Jungle Walk

KOPEL ECO TOURS

EXPLORE, ESCAPE, EXPERIENCE THE HIDDEN GEM OF SABAH

4D3N TREC + GOMANTONG TOUR

Stay deep in the rainforest at TREC. Explore the Kinabatangan River & spot amazing wildlife. Continue your adventure at the Gomantong Caves, famous for its birds' nests & the spectacular evening bat exodus.

3D2N SUPU ADVENTURE CAMP

Supu Adventure Camp is designed for serious bird and wildlife photographers who will not be disappointed by the volume and diversity of mammal, bird, amphibian, and reptile species in the surrounding limestone forests.

BIRDING PACKAGE (BIRD HIDE)

The bird hide offers a peaceful and immersive experience for birdwatchers and nature lovers — a perfect spot to enjoy the beauty of Borneo's avian treasures in their natural habitat.

4D3N CONSERVATION PROJECT

Join us in making a difference while experiencing the wonders of the rainforest! This 3 Days, 2 Nights Conservation Project combines eco-adventure with hands-on conservation activities at the heart of Kinabatangan.

3D2N ENVIRONMENTAL EDUCATION

Learn, explore, and connect with nature in this meaningful 3 Days, 2 Nights program designed to raise awareness about the importance of conservation and sustainable living. Perfect for students, youth groups, and eco-enthusiasts!

BOOK NOW

+60 89 551 163 | +60 12 380 1070

info@kopelkinabatangan.com

Kopel Eco Tours Sdn. Bhd.

Kopel Eco Tours Sdn. Bhd.





SuruhanjayaKoperasiMalaysia



PODCAST "OH GITU!"

MENYINGKAP DUNIA KOPERASI SECARA SANTAI & BERMAKNA!

Terbitan rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), podcast ini membawa anda menyelami isu-isu semasa, inspirasi kejayaan koperasi, dan wawancara eksklusif bersama tokoh industri.



TAJUK: ISU HARTANAH GERAKAN KOPERASI

**TETAMU JEMPUTAN: ENCIK AIZAC ISMAIL
(PENGURUSI KOPERASI ANNADI BERHAD)**



TAJUK: SKANDAL, SIAPA MAKAN DUIT KOPERASI?

**TETAMU JEMPUTAN: ENCIK MOHD RIDUAN TOHA
(BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN)**



**TAJUK: TMP SKM DAH MOHON,
KENAPA SUSAH NAK LULUS?**

**TETAMU JEMPUTAN: PUAN ROSHIDAH BINTI ABU BAKAR
(PENGARAH BPKK)**



**TAJUK: DARI KOPERASI KAMPUNG KE INSTITUSI
DENGAN ASET RM7.7 BILLION!!**

**TETAMU JEMPUTAN: DATUK BAHAROM BIN EMBI
(PENGURUSI CBP)**



www.skm.gov.my



[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/SuruhanjayaKoperasi)